



LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

SOALAN LAZIM (FAQ)

PEMATUHAN AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984 (AKTA 304) DAN PERATURAN-PERATURAN SUBSIDIARI DI BAWAHNYA SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT

1. Adakah pemeriksaan bagi tujuan pematuhan lesen di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) akan dijalankan ke atas syarikat saya sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ini dikuatkuasakan?

Jawapan: Berikutan PKPB yang dikuatkuasakan, pemeriksaan fizikal tidak akan dilakukan. Sebaliknya Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) akan melakukan pemeriksaan secara “*desktop*” berdasarkan dokumen dalam fail syarikat dan maklumat yang diperolehi dari rekod pemegang lesen dalam sistem atas talian.

2. Bolehkah alat pengawasan personal Pekerja Sinaran yang digunakan bagi bulan Mac 2020, untuk terus digunakan sepanjang PKPB? Ini kerana pembekalan alat pengawasan personal kepada Pekerja Sinaran pada masa PKPB tidak dapat dilakukan.

Jawapan: Alat pengawasan personal Pekerja Sinaran yang digunakan bagi bulan Mac 2020 adalah **BOLEH** digunakan sehingga bulan Jun 2020 bagi tujuan pengawasan bulanan dedahan dos Pekerja Sinaran. Kebenaran yang sama turut diberikan untuk penggunaan alat pemantauan tempat kerja yang dipasang pada peralatan sinaran bagi tujuan pengawasan bulanan dedahan dos kawasan.

3. Adakah pemegang lesen boleh menjalankan operasi sepanjang PKPB ini dikuatkuasakan?

Jawapan: Sepanjang PKPB ini berkuatkuasa, pemegang lesen hendaklah merujuk kepada pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) atau Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan perkhidmatan yang diberikan jika dikehendaki menjalankan operasi. LPTA tiada halangan untuk aktiviti yang dilesenkan di bawah Akta 304 dioperasikan sekiranya semua keperluan yang ditetapkan di bawah lesen yang dikeluarkan di bawah Akta 304 dipatuhi dan aktiviti / perkhidmatan tersebut mendapat

kebenaran untuk dioperasikan oleh MKN atau Kementerian yang dipertanggungjawabkan.

4. **Adakah penggunaan meter tinjau yang telah tamat tempoh sah tentukuran dibenarkan susulan fasiliti yang melakukan tentukuran tidak beroperasi sepanjang PKPB ini dikuatkuasakan?**

Jawapan: Meter tinjau yang telah tamat tempoh sah tentukuran semasa PKPB ini dikuatkuasakan adalah **DIBENARKAN** untuk terus digunakan sepanjang tempoh PKPB.

5. **Adakah tempoh tertentu diberikan untuk pemegang lesen melakukan tentukuran meter tinjau yang telah tamat tempoh sah tentukuran setelah tamat tempoh PKPB?**

Jawapan: Pemegang lesen diberi tempoh masa maksimum 45 hari selepas tamat PKPB, untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi melakukan tentukuran meter tinjau yang telah tamat tempoh sah tentukuran semasa PKPB berkuatkuasa

6. **Adakah peralatan sinaran (radas penyinaran, bekas punca dan lainlain) yang telah tamat tempoh sah senggaraan dibenarkan untuk digunakan sepanjang tempoh PKPB?**

Jawapan: Peralatan sinaran yang telah tamat tempoh sah senggaraan semasa PKPB ini dikuatkuasakan adalah **DIBENARKAN** untuk terus digunakan sepanjang tempoh PKPB.

7. **Adakah tempoh tertentu diberikan kepada pemegang lesen setelah tamat tempoh PKPB bagi melakukan penyenggaraan peralatan sinaran yang telah tamat tempoh sah susulan jangkaan kepadatan jadual penyenggaraan oleh syarikat penyenggara akibat jadual kerja penyenggaraan yang tertangguh sebelum ini?**

Jawapan: Pemegang lesen diberi tempoh masa maksimum 45 hari selepas tamat PKPB untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi menyenggara peralatan sinaran yang telah tamat tempoh sah senggaraan semasa PKPB berkuatkuasa

8. **Sepanjang PKPB ini berkuatkuasa, jika berlaku sebarang kejadian/kemalangan radiologi di syarikat saya, siapakah yang saya boleh hubungi?**

Jawapan: Pusat Pengurusan Tindakbalas Nuklear Kebangsaan (PTNK), LPTA adalah dalam keadaan siapsiaga sepanjang masa bagi menerima sebarang aduan kejadian/ kemalangan radiologi dan akan beroperasi sepenuhnya jika perlu, tidak kira sama ada semasa PKPB atau sebaliknya. Sehubungan dengan itu, mana-mana pihak boleh

menghubungi LPTA melalui **HOTLINE 1-800-88-7999** untuk sebarang aduan kejadian/ kemalangan radiologi yang berlaku. PTNK, LPTA juga telah menyediakan senarai pegawai di Ibu Pejabat dan Pejabat Zon LPTA untuk dihubungi sekiranya berlaku kejadian/ kemalangan radiologi dan ia boleh diperolehi di laman web LPTA di <https://www.aelb.gov.my>

9. Bolehkah permohonan melakukan pengujian Pelan Kecemasan Radiologi dan Nuklear dengan kehadiran LPTA dilakukan sepanjang PKPB ini berkuatkuasa?

Jawapan: Pemegang lesen boleh membuat permohonan pengujian Pelan Kecemasan seperti biasa dengan melengkapkan borang di Lampiran 2, Panduan Penyediaan dan Pengujian Pelan Kecemasan Radiologi dan Nuklear (LEM/TEK66Pin.2) dan mengemukakan kepada LPTA melalui email ncnrm@aelb.gov.my. Walau bagaimanapun, penetapan tarikh pelaksanaan pengujian Pelan Kecemasan ini akan ditentukan bergantung kepada kedudukan semasa penguatkuasaan PKPB.

10. Tindakan perundangan di bawah Akta 304 berupa penggantungan lesen dan pengantungan pengiktirafan Pekerja Sinaran syarikat saya akan tamat dalam tempoh PKPB ini berkuatkuasa. Bolehkah syarikat saya berurusan semula dengan mengendalikan peralatan sinaran seperti sebelum tindakan perundangan dikenakan?

Jawapan: Pemegang lesen dan Pekerja Sinaran boleh berurusan dengan peralatan sinaran setelah tempoh tindakan perundangan yang dikenakan di bawah Akta 304 telah tamat. Sebagai tambahan, sepanjang tempoh PKPB, pengoperasian aktiviti / perkhidmatan pemegang lesen adalah tertakluk kepada ketetapan dan kebenaran di bawah PKPB yang sedang berkuatkuasa.

11. Bagaimana pengiktirafan semula Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS) / Penyelia (PY) yang tidak dapat menghadiri kursus bagi mendapatkan mata Program Pendidikan Berterusan (CEP) dapat dilakukan di atas sebab pelaksanaan PKPB?

Jawapan: LPTA akan mempertimbangkan pengiktirafan semula PPS/ PY untuk tempoh satu (1) tahun walaupun mata CEP tidak mencukupi disebabkan pembatalan kursus oleh penganjur atau larangan majikan semasa tempoh PKPB. Sila muat naik bukti pembatalan kursus oleh pihak penganjur atau bukti larangan menghadiri kursus oleh majikan disebabkan pelaksanaan PKPB menerusi sistem eSPP.

12. Bagaimana saya hendak melakukan pembayaran fi lesen dan lain-lain fi yang berkaitan sepanjang tempoh PKPB?

Jawapan: Bayaran fi hendaklah dilakukan secara atas talian sahaja sepanjang tempoh pelaksanaan PKPB ini. Bayaran menerusi cek tidak dapat diproses semasa PKPB dikuatkuasakan.

Sila rujuk pautan <http://www.aelb.gov.my/malay/dokumen/panduan-carapembayaran/Maybank2U%20online.pdf> untuk pengguna Maybank2u atau <http://www.aelb.gov.my/malay/dokumen/panduan-carapembayaran/CIMBCLICK%20300517.pdf> bagi pengguna CIMB Click.

Sila hubungi *Person in Charge* (PIC) LPTA (*Rujuk Kenyataan Umum LPTA bertarikh 30 Mac 2020*) sekiranya tidak dapat melakukan pembayaran secara atas talian.

13. Adakah permohonan lesen, kebenaran atau permit import/ eskport boleh dilakukan dalam tempoh PKPB?

Jawapan: Permohonan lesen, kebenaran atau permit import/ eksport secara atas talian masih boleh dilaksanakan sepanjang tempoh PKPB dan akan diproses seperti biasa.

14. Adakah pindaan Program Perlindungan Sinaran, Pelan Kecemasan dan Pelan Sekuriti boleh dilaksanakan dalam tempoh PKPB?

Jawapan: Pindaan Program Perlindungan Sinaran, Pelan Kecemasan dan Pelan Sekuriti boleh dilaksanakan seperti biasa sepanjang tempoh PKPB ini mengikut panduan sedia ada.

15. Bagaimana permohonan kad Pekerja Sinaran dalam tempoh PKPB?

Jawapan: Sebarang permohonan boleh diteruskan seperti biasa dan kad Pekerja Sinaran akan dikemukakan kepada pemohon selepas tamat tempoh PKPB.

16. Adakah Peperiksaan Persijilan PPS akan dilaksanakan pada bulan April dan Mei 2020?

Jawapan: Peperiksaan Persijilan PPS bulan April dan Mei 2020 ditangguhkan sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

17. Bagaimana dengan pengiktirafan PPS/ PY yang berkhidmat di kawasan kawalan yang telah tamat tempoh sah pengiktirafan semasa tempoh PKPB dan pada masa yang sama pemeriksaan perubatannya juga telah melebihi tiga (3) tahun?

Jawapan: Semasa tempoh PKP, PPS/ PY yang berkhidmat di kawasan kawalan yang telah tamat tempoh sah pengiktirafan dan pada masa yang sama pemeriksaan perubatannya juga telah melebihi tiga (3) tahun, akan diberikan pertimbangan pengiktirafan semula untuk tempoh satu (1) tahun. Apabila tempoh PKPB tamat, PPS/PY tersebut hendaklah melakukan pemeriksaan perubatan dengan segera.

18. Mengapakah saya tidak menerima sebarang makluman daripada LPTA secara emel semasa tempoh PKPB ini?

Jawapan: LPTA sentiasa membuat *blasting* makluman terkini kepada semua pemegang lesen. Sekiranya tidak menerima emel dari LPTA, sila semak semula emel yang didaftarkan di sistem eSPP. Pemegang lesen hendaklah sentiasa mengemaskini emel Orang Bertanggungjawab Terhadap Lesen (OBTL) atau PPS untuk memastikan sentiasa menerima makluman terkini daripada LPTA.

19. Apakah ketetapan LPTA berhubung keperluan lawatan/ pemeriksaan oleh Pengendali Perunding (PP) atau Pengendali Perunding Bebas (PPB) ke atas premis syarikat yang diberi khidmat perundingan, sekurang-kurangnya sekali dalam masa sebulan, susulan pelaksanaan PKPB ini?

Jawapan: PP dan PPB diberi kelonggaran untuk tidak melakukan lawatan/ pemeriksaan ke atas premis pemegang lesen yang diberi khidmat perundingan, sepanjang tempoh PKPB dikuatkuasakan bagi bulan yang terlibat. Walau bagaimanapun, PP atau PPB hendaklah memastikan aspek keselamatan dan sekuriti sentiasa dipatuhi oleh syarikat yang diberi khidmat perundingan sepanjang tempoh PKPB berkuatkuasa. Walaupun lawatan/ pemeriksaan tidak dilakukan, PP dan PPB masih tertakluk untuk mengemukakan laporan perundingan berdasarkan pemantauan yang dilakukan melalui sistem eLesen dalam memastikan syarikat yang diberi khidmat perundingan mematuhi peruntukan perundangan di bawah Akta 304 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

20. Sijil Ujian Kebocoran peralatan sinaran syarikat saya akan tamat pada 3 April 2020. Berikutan pelaksanaan PKPB pada ketika ini, bolehkah saya terus menggunakan peralatan sinaran tersebut kerana perkhidmatan saya termasuk dalam senarai perkhidmatan “essential” di bawah PKPB yang sedang berkuatkuasa?

Jawapan: Peralatan sinaran yang telah tamat tempoh sah ujian kebocoran semasa PKPB ini dikuatkuasakan adalah **DIBENARKAN** untuk terus digunakan sepanjang tempoh PKPB. Kebenaran ini turut dilanjutkan untuk tempoh maksimum 45 hari daripada tarikh penamatan PKPB bagi membolehkan pemegang lesen mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyediakan peralatan sinaran yang mempunyai sijil ujian kebocoran yang sah. Pemegang lesen hendaklah sentiasa memastikan elemen keselamatan diberi perhatian yang sewajarnya semasa mengendalikan peralatan sinaran yang telah tamat tempoh sah sijil ujian kebocoran ini.